BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
JABATAN KESIHATAN AWAM *(PUBLIC HEALTH DEPARTMENT)*
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
Aras 7 & 8, BLOK E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.

No. Tel : 03-8883 3888
No. Fax : 03-8888 6150
E-mail : bpkk@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-30/12/30 Jld.2 (45)
Tarikh : 31 Mac 2020

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SENARAI SEMAK PEMANTAUAN IBU ANTENATAL DAN POSTNATAL SECARA ATAS TALIAN UNTUK ANGGOTA KESIHATAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, rujukan KKM.600-30/12/30 Jld.2 (43) bertarikh 20 Mac 2020, adalah berkaitan.

2. Sebagaimana sedia maklum, Kementerian Kesihatan Malaysia masih meneruskan Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak seperti biasa. Walau bagaimanapun, sekiranya pemantauan ibu dan bayi terpaksa dibuat secara atas talian, Bahagian ini telah mengeluarkan Senarai Semak Pemantauan Ibu Antenatal dan Postnatal Secara atas Talian untuk Anggota Kesihatan.

3. Bersama-sama ini dikemukakan Senarai Semak Pemantauan Ibu Antenatal dan Postnatal Secara atas Talian untuk Anggota Kesihatan. Dimohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengedarkan panduan ini ke semua fasiliti kesihatan di bawah tanggungjawab masing-masing. Panduan ini juga boleh diakses melalui laman rasmi Bahagian ini, **http://fh.moh.gov.my**

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. FARIDAH BINTI ABU BAKAR) MMC 27575
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
   Kementerian Kesihatan Malaysia

2. Pengarah
   Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

SENARAI SEMAK PEMANTAUAN IBU ANTENATAL DAN POSTNATAL SECARA ATAS TALIAN UNTUK ANGGOTA KESIHATAN

(Panduan ini untuk digunapakai sekiranya pemantauan ibu dan bayi terpaksa dibuat secara atas talian)

Bil	Skop	Antenatal	Postnatal
1.	Soalan umum berkaitan risiko jangkitan COVID-19	• Rujuk Borang Penilaian Risiko Jangkitan COVID-19 (**Lampiran 1**)	• Rujuk Borang Penilaian Risiko Jangkitan COVID-19 (**Lampiran 1**)
2.	Soalan umum berkaitan kehamilan	• Bertanya khabar ibu • Bertanya perkara berikut: o Demam o Sakit kepala/ pening o Masalah pernafasan / sakit dada /berdebar-debar o Edema o Loya/ muntah o Corak tidur o Pemakanan o Pengambilan hematinik/ vitamin o Gangguan aktiviti harian o Pola buang air kecil/besar	• Bertanya khabar ibu • Bertanya perkara berikut: o Demam o Masalah pernafasan / sakit dada / berdebar-debar o Sakit kepala/ pening o Lochia –kuantiti, warna, bau o Penyusuan bayi o Payudara – *engorged/ cracked nipple* o Luka episiotomi/ caesarean o Suntikan *subcutaneous* heparin (jika berkenaan) o Pemakanan o Pengambilan hematinik/ vitamin o Bengkak/merah/sakit di bahagian betis/ kaki o Pola buang air kecil/besar o Kestabilan emosi
3.	Khusus untuk *condition* / masalah obstetrik atau perubatan Contoh: HDP, GDM, anaemia, asma, *history of PV bleeding*	• Bertanya simptom/ komplikasi yang berkaitan • Pengambilan ubat o Bekalan mencukupi o Dos o Kekerapan o Kesan sampingan • Nasihat umum dan khusus berkaitan masalah semasa yang dikenalpasti	• Bertanya simptom/ komplikasi yang berkaitan • Pengambilan ubat o Bekalan mencukupi o Dos o Kekerapan o Kesan sampingan • Nasihat umum dan khusus berkaitan masalah semasa yang dikenalpasti

Bil	Skop	Antenatal	Postnatal
4.	Berkenaan janin/ bayi	• Bertanya carta pergerakan janin selepas 28 minggu	• Penyusuan susu • Aktif • Menangis yang berpanjangan • Jaundis [Rujuk **Lampiran 2 - Panduan Untuk Temubual Ibu Menerusi Telefon Untuk Memantau Kesihatan Bayi Dan Jaundis Neonatal (NNJ)]** • Kesukaran bernafas • Muntah • Keadaan tali pusat • Tanda – tanda sepsis o Demam o Kurang aktif/lemah o Mata bertahi o Ruam bernanah
5.	Nasihat tanda bahaya	• Nasihat untuk segera ke klinik/ hospital jika mengalami tanda-tanda berikut : o Demam yang tinggi o Sakit perut yang luarbiasa o Sakit bersalin o Pecah ketuban o Pendarahan o Sesak nafas o Pucat o Letih lesu o Janin kurang bergerak/ tidak aktif o Sakit kepala o Penglihatan kabur o Sakit ulu hati o Jantung berdebar-debar o Kaki bengkak o Loya dan muntah yang teruk o Tidak berdaya untuk melakukan kerja rumah biasa/ rutin harian	• Nasihat untuk segera ke klinik/ hospital jika mengalami tanda-tanda berikut : o Demam yang tinggi o Bengkak dan sakit payudara yang teruk o Sakit perut yang luarbiasa o Pendarahan/lochia abnormal o sakit / keluar cecair luarbiasa dari luka episiotomy/ caesarean o Sesak nafas o Pucat o Letih lesu o Sakit kepala o Penglihatan kabur o Sakit ulu hati o Jantung berdebar-debar o Bengkak/merah/sakit di bahagian betis/ kaki o Tidak boleh buang air kecil o Tidak berdaya untuk menjaga diri dan bayi o Gangguan emosi yang teruk
6.	Pelan perancangan	• Temujanji mengikut kesesuaian • Nasihat datang ke klinik/hospital jika disyaki terdapat masalah yang memerlukan perawatan lanjut	• Temujanji mengikut kesesuaian • Nasihat datang ke klinik/hospital jika disyaki terdapat masalah yang memerlukan perawatan lanjut

Lampiran 1

BORANG PENILAIAN RISIKO JANGKITAN COVID-19

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat / No. telefon :

No.	Kriteria	Ya	Tidak
1.	Gejala pernafasan akut		
	• Batuk		
	• Sesak nafas		
	• Sakit tekak		
2.	Demam		
3.	Sejarah perjalanan ke luar negara / menetap di luar negara (dalam masa 14 hari sebelum timbul gejala)		
4.	Menghadiri majlis / perjumpaan yang mempunyai kaitan dengan wabak COVID-19		
5.	Kontak rapat (dalam masa 14 hari sebelum timbul gejala)		
	• Kontak dengan anggota kesihatan yang terdedah kepada risiko COVID-19		
	• Berkongsi ruang kerja / ruang belajar bersama pesakit COVID-19		
	• Berkongsi kenderaan bersama pesakit COVID-19		
	• Tinggal bersama pesakit COVID-19		

**Sekiranya klien memenuhi kriteria definisi kes Patient Under Investigation (PUI) COVID-19, sila tangguhkan lawatan ke rumah dan maklumkan kepada Penyelia Jururawat untuk tindakan selanjutnya.*

**Definisi kes PUI COVID-19 :*

- *Acute respiratory infection (sudden onset of respiratory infection with at least one of: shortness of breath, cough or sore throat) with or without Fever*
  AND
- *Travelled to / resided in foreign country within 14 days before the onset of illness*
  OR
- *Close contact in 14 days before illness onset with a confirmed case of COVID-19*
  OR
- *Attended an event associated with known COVID-19 outbreak*

**Sumber rujukan : Guideline COVID-19 Management in Malaysia No.05/2020 (EDISI KELIMA)*

Lampiran 2

PANDUAN UNTUK TEMUBUAL IBU MENERUSI TELEFON UNTUK MEMANTAU KESIHATAN BAYI DAN JAUNDIS NEONATAL (NNJ)

1. Soalan-soalan umum untuk ditanyakan kepada ibu berkaitan kesihatan bayi
    - Bila tarikh dan masa kelahiran bayi?
    - Apakah cara kelahiran bayi?
    - Bila tarikh bayi didiscaj?
    - Bayi adalah anak ke berapa?
    - Apakah kumpulan darah dan rhesus ibu?
    - Adakah ibu menghidap diabetes mellitus?
    - Adakah bayi mengalami kecacatan semasa lahir dan keadaan kurang memuaskan?
    - Adakah ibu mengalami *prolonged labour?*
    - Berapa kerap bayi menyusu?
    - Berapa kerap bayi membuang air kecil?
    - Berapa kerap bayi membuang air besar?
    - Adakah bayi aktif?
    - Adakah bayi mata bertahi?

2. Pengesanan faktor risiko bayi berdasarkan maklumat berikut:
    - Bayi lahir cukup bulan / pramatang
    - Sejarah jaundis adik beradik
    - Status G6PD bayi
    - Jaundis dalam masa 24 jam selepas kelahiran
    - Penyusuan susu ibu
      -kekerapan
      -cara hisapan
    - Status hidrasi
    - Tanda-tanda sepsis:
        - Demam
        - Kurang aktif/lemah
        - Mata bertahi
        - Ruam bernanah (*septic spot*)
    - Keadaan pusat bayi:
        - Bau
        - Basah
        - Merah
        - Bernanah/berdarah
    - Buang air kecil dan besar
        - Kekerapan dan kuantiti
        - Warna
    - Warna kulit**

3. Pemantauan kes jaundis neonatal (bayi telah didiagnosa sebagai NNJ)
    - Umur bayi semasa didiagnosa
    - Umur semasa bayi
    - Bacaan TSB semasa discaj
    - Temujanji ulangan TSB
    - Warna kulit**
    - Buang air kecil dan besar
        - Kekerapan dan kuantiti
        - Warna
    - Tanda-tanda sepsis:
        - Demam
        - Kurang aktif/lemah
        - Mata bertahi
        - Ruam bernanah (*septic spot*)
    - Penyusuan susu
        - kekerapan
        - cara hisapan

**Ajar ibu teknik *blanching test*

Nota:

- Nasihat ibu untuk membawa bayi ke klinik jika didapati bayi kuning Tahap 1 bersama risiko berikut:
    - Umur bayi kurang 24 jam
    - Pramatang
    - Mempunyai tanda-tanda sepsis
    - Kurang aktif
    - Kurang menyusu/ hisapan lemah
    - Mempunyai tanda-tanda jangkitan pada pusat
    - Dehidrasi